

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 5 MAC 2014
DI KAMPUS KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba' Hal 'Khair.

KATA ALU-ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan buat semua warga UniMAP yang sentiasa memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik ini.

TIPS KESIHATAN

2. Seperti kebiasaannya di tahun 2014 ini, saya akan memulakan ucapan saya dengan berkongsi maklumat mengenai kesihatan. Pada minggu ini, sedikit perkongsian mengenai '**Keracunan Makanan**'.
3. Acapkali, lahir dari mulut kita bahawa sakit yang mempunyai simptom cirit birit, muntah adalah berpunca dari keracunan makanan. Tetapi adakah kita tahu apa itu keracunan makanan? Keracunan makanan adalah berpunca daripada memakan makanan yang tercemar. Untuk makluman warga UniMAP, makanan boleh tercemar dengan bakteria yang menyebabkan penyakit semasa pemprosesan, pengendalian atau penyimpanan makanan. Bakteria yang sering dikaitkan dengan keracunan makanan adalah **E. Coli**, **Salmonella** dan **Staphylococcus**.
4. Keracunan makanan bukanlah perkara yang boleh dipandang enteng. Sebagai contoh, tahun lepas, Malaysia mencatatkan beberapa insiden keracunan makanan dengan beberapa kematian selepas memakan makanan yang disediakan atau dibeli di pasar Ramadan, kantin sekolah, dan majlis perkahwinan.

5. Malah di Pusat Kesihatan UniMAP sendiri, telah mencatatkan 431 kes yang disyaki keracunan makanan di semua klinik-klinik UniMAP dari bulan Januari hingga Disember 2013.
6. Pengendalian makanan yang tidak selamat, makanan terdedah, menyentuh bahagian badan semasa mengendali makanan dan tidak mencuci tangan selepas ke tandas adalah sebab-sebab biasa pencemaran makanan. Oleh itu kebersihan diri pengendali makanan adalah amat penting untuk mengelakkan keracunan makanan.
7. Pesakit keracunan makanan akan mengalami salah satu atau semua tanda-tanda seperti mual, muntah, sakit perut, cirit-birit, demam dan dehidrasi. Kehilangan cecair badan yang berlebihan boleh membawa maut terutama bagi kanak-kanak dan orang tua jika tidak dirawat dengan segera. Pemeriksaan segera dengan doktor adalah penting bagi kes-kes sedemikian.
8. Kempen kesihatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menasihati tentang tiga langkah mudah untuk mengelakkan keracunan makanan iaitu '**melihat, menghidu dan merasa**' makanan sebelum anda makan. Mangsa keracunan makanan sering menyalahkan pengendali makanan atau pembekal makanan sementara mereka sendiri mengabaikan prosedur keselamatan tersebut sebelum memakan sesuatu makanan.
9. Oleh itu, dikesempatan ini saya ingin menasihatkan jawatankuasa kafeteria universiti untuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke atas kafeteria UniMAP bagi memastikan kebersihan makanan, premis dan pengendali makanan sentiasa terjaga.
10. Kita sebagai pengguna sentiasa mempunyai pilihan bijak iaitu tidak mengunjungi kafeteria yang kotor. Gunakan akal yang dianugerahkan oleh Allah swt. Walau sesedap manapun makanan tersebut tetapi kebersihan harus diutamakan bagi menjamin kesihatan yang terbaik. InsyaAllah.

Hadirin sekalian,

PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2014

11. Dikeempatan ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada penyelidik UniMAP yang menyertai Malaysia Technology Expo (MTE) 2014 yang muncul sebagai johan keseluruhan dengan meraih 15 pingat emas, 11 perak dan 8 gangsa dari 35 produk yang dipertandingkan. Tahun lepas kita berjaya meraih 7 emas, 10 perak dan 10 gangsa dari 27 produk. MTE 2014 adalah kejayaan pembuka tirai penyelidikan yang saya yakin akan menjadi pembakar semangat untuk pameran penyelidikan yang lain pula. Berikan tepukan yang gemuruh buat semua penyelidik UniMAP yang menyertai MTE 2014.
12. Tidak ketinggalan, tahniah diucapkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UniMAP kerana melaksanakan pemilihan yang teliti kepada setiap produk yang mengambil bahagian dalam MTE 2014 ini. Semoga PPPI akan terus peka dan sensitif dengan pemilihan produk yang bakal menyertai sebarang penyertaan. Dari segi kejayaan produk, saya berasa bangga dengan pencapaian tersebut. Cuma apa yang dapat saya lihat adalah ada beberapa kategori lain yang kita mampu perbaiki dan saya berharap ianya diambil perhatian yang sewajarnya oleh PPPI dan warga UniMAP yang lain.
13. Sebagai contoh, bagi anugerah booth terbaik, anugerah booth paling inovatif, anugerah booth paling informatif dan juga mesra pelanggan. Saya berharap agar kita dapat mempertingkatkan usaha keras kita untuk meraih anugerah tersebut. Anugerah yang saya sebutkan diatas adalah lebih tertumpu kepada PPPI sendiri. Wakil dari PPPI seperti

Dr. Ruslinda dan pegawainya haruslah memberi fokus kepada penilaian anugerah tersebut. Hal ini kerana, dibarisan hadapan booth, bukanlah dikuasai penyelidik tetapi oleh PPPI.

14. Oleh itu, saya harapkan kerjasama PPPI untuk lebih fokuskan khidmat kaunter booth di semua pameran penyelidikan yang kita sertai. Biarlah kejayaan yang kita raih ini adalah seiring antara satu sama lain. Bukan sahaja meraih juara keseluruhan atau pingat emas terbanyak tetapi juga booth UniMAP adalah sangat berinformasi, berinovatif dan mesra pelanggan. InsyaAllah.

UniMAP LEBARKAN SAYAP KE KOREA

15. Baru-baru ini saya berkesempatan sekali lagi ke Korea dalam lawatan kerja selama lima hari untuk meluaskan jaringan akademik dan memperkenalkan UniMAP di peringkat antarabangsa. Di Gumi Korea, UniMAP telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Syarikat Man & Tel.
16. Untuk makluman, Syarikat ini merupakan salah satu syarikat yang berdaya saing dalam bidang peralatan latihan pendidikan teknikal yang berpusat di bandar Gumi di wilayah Gyeongsang, Korea Selatan.
17. Syarikat ini sebenarnya telah mencapai kemajuan besar dalam bidang peralatan latihan pendidikan dalam teknologi seperti Robotik, photovoltaic, RFID dan rangkaian sensor lebih daripada satu dekad sejarah korporatnya.
18. Selain itu mereka juga mengembangkan pembangunan produk teknologi elektro- komunikasi. Man & tel mahu menyumbang kepada masyarakat global peluang untuk memulihkan keupayaan kepada pesakit mengalami strok, angin ahmar dan fisioterapi.

19. Saya benar-benar berharap kerjasama ini akan membuka peluang kepada kedua-dua pihak bagi saling berkongsi maklumat, kepakaran selain membantu pihak UniMAP menubuhkan Pusat Latihan Teknikal yang terbaik di Malaysia suatu hari nanti.
20. Manakala di Andong Korea, UniMAP telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama Andong National University, Korea bagi merintis kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan. Untuk makluman, Andong National University adalah merupakan institusi pengajian tinggi nasional pertama di Korea Selatan yang menjalin kerjasama dengan UniMAP.
21. Saya percaya kerjasama ini akan memberi impak yang besar dalam bidang akademik dan penyelidikan, UniMAP sebagai sebuah universiti yang masih muda boleh menjadikan Andong National University yang berusia 67 tahun ini sebagai salah satu contoh terbaik.

Hadirin sekalian,

PEMBERIAN BAUCAR BUKU

22. Hari Ini juga akan diadakan Majlis Simbolik penyerahan baucar buku kepada pelajar UniMAP yang layak menerima sumbangan tersebut. Saya mendapat makluman bahawa jumlah pelajar yang layak adalah seramai 9690 orang (Diploma/Ijazah/Master/PHD) yang melibatkan jumlah peruntukan yang diterima adalah **RM2,425,000.00 (DUA JUTA EMPAT RATUS DUA PULUH LIMA RIBU RINGGIT MALAYSIA)**;
23. Saya mohon kerjasama warga UniMAP termasuk staf dan pelajar untuk meuar-uarkan kepada pelajar yang lain, selepas berakhirnya majlis simbolik penyerahan ini, semua pelajar dimohon rujuk kepada pusat

Pengajian masing-masing untuk maklumat lengkap tempat dan waktu agihan yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian masing-masing.

24. Sampaikan juga pesanan saya kepada semua pelajar untuk bijak dalam menggunakan baucar buku ini. Hal ini kerana pemberian BB1M adalah bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian. Selain itu, inisiatif ini dijangka dapat memupuk minat membaca di kalangan rakyat Malaysia.
25. Saya yakin terdapat keberkatan dalam menuntut ilmu sekiranya para pelajar menggunakan baucar ini untuk menambahkan ilmu pengetahuan iaitu dengan membeli buku-buku pendidikan yang sewajarnya. Janganlah menyalahgunakan baucar ini seperti menjualkan kepada orang lain dan sebagainya. Perbuatan tersebut adalah sangat tidak bermoral dan tidak mendapat keberkatan.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

26. Sebelum mengakhiri ucapan, harapan saya agar saya apa yang saya sampaikan pada pagi ini akan menjadi perkongsian yang terbaik buat semua warga UniMAP serta dapat meningkatkan semangat kita semua bagi mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

